كاتالوݢ بوكو تربيتن

كوليج يونيبرسيتي ڤرݢوروان اݢام سري بݢاوان

# Katalog

## BUKU TERBITAN

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

# 2008-2014

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| TERBITAN TERBAHARU 2014 | 5 |
| TERBITAN BAHASA MELAYU | 19 |
| TERBITAN BAHASA ARAB | 40 |
| KOLEKSI KERTAS KERJA | 46 |
| SIRI MONOGRAF PENDIDIKAN ISLAM | 52 |
| JURNAL PERGURUAN | 59 |
| JURNAL KEFAHAMAN AHLI SUNNAH WALLJAMA'AH | 60 |
| DAFTAR ISTILAH | 62 |
| SENARAI BUKU-BUKU TERBITAN KUPU SB | 65 |
| BORANG PESANAN BUKU | 71 |

# Terbitan Terbaharu 2014




## Tokoh-tokoh Abadi Pendidikan Islam

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Dr Gamal Abdul Nasir Zakaria |
| ISBN | : | 978- 99917-61-33-6 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 285 muka surat |
| Harga | : | BND $12.00 |

**Sinopsis**

Dunia pendidikan kita telah lama melupakan sumbangan besar tokoh-tokoh pendidikan Islam kepada kemajuan ilmu dan tamaddun. Kita sudah menggantikan tokoh-tokoh Islam dengan tokoh-tokoh pendidikan Barat. Akibatnya, tidak hairanlah ketokohan dan kehebatan tokoh-tokoh pendidikan Islam menjadi sesuatu yang asing di kalangan pendidik dan pelajar. Perbincangan mengenai Pendidikan Islam dan tokoh-tokohnya telah lama diabaikan di kalangan kita. Padahal kajian keatas kitab-kitab Turath (khazanah intelektual Muslim) perlu ditelaah dan menjadi satu budaya di kalangan para pendidik dan sarjana Islam. Hasilnya kelak, kita lebih memahami, bahawa tokoh-tokoh pendidikan Islam silam telah berjaya melahirkan gagasan-gagasan besar dan karya-karya yang bermutu. Buku ini berupaya mengupas karya dan gagasan besar tiga orang tokoh pendidikan Islam yang terkenal: Ibnu Sahnun, Al-Qabisi dan Ibnu Khaldun. Ketiga-tiga tokoh tersebut berabad-abad yang silam telah berbicara dan membahaskan beberapa aspek utama dalam pendidikan, misalnya : kurikulum, pendidik, anak didik, kaedah pengajaran, sanjungan dan hukuman, dan perlaksanaan dan pengurusan pendidikan. Kehadiran buku ini akan dapat menjelaskan kehebatan dan keunggulan para tokoh pendidikan Islam zaman silam yang begitu dinamik bahkan sebahagian pemikiran dan idea mereka melampaui dan mengungguli pemikiran para tokoh pendidikan kontemporari. Kehadiran mereka dalam dunia ilmiah telah terbukti memberikan sumbangan yang sangat hebat dan besar bagi mencerdaskan umat.




## Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Pelbagai penulis |
| ISBN | : | 978-99917-61-18-3 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 273 muka surat |
| Harga | : | BND $12.00 |

**Sinopsis**

PENDIDIKAN ISLAM Memantapkan Negara Zikir adalah Buku ini memuatkan tujuh himpunan kertas kerja yang telah dibentangkan semasa Konvensyen Pendidikan Islam Kali Pertama anjuran Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diadakan pada 4-5 Muharram 1433H bersamaan 30 November & 1 Disember 2011 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Konvensyen yang diadakan untuk memperkasa Pendidikan Islam dan memantapkan lagi Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir bersesuaian dengan temanya: *'Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir'* merupakan kompilasi kertas kerja yang dibentangkan oleh para ilmuan pendidikan Islam dari negara-negara anggota MABIMS ini memberi fokus kepada kualiti pendidikan Islam serta elemen-elemen yang menuju kualiti tersebut disamping membahas dan membincangkan hal ehwal pendidikan Islam selaras dengan arus cabaran globalisasi masa kini bagi memperkasa pendidikan sebagai syiar yang syumul sepanjang zaman.




**Media Pengajaran dalam Pendidikan Islam: Satu Penilaian**
*(Siri Monograf Pendidikan Islam Bilangan 8)*

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Zulkifli Zakaria |
| ISBN | : | 978-99917-61-37-4 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 53 muka surat |
| Harga | : | BND $8.00 |

**Sinopsis**

Pendidikan adalah suatu yang sangat meluas dan bersifat global. Ianya berlaku sam aada secara formal atau secara non-formal. Dalam konteks sekolah, pendidikan berlaku dalam bentuk formal di dalam bilik darjah di mana proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan oleh seorang guru dengan pelajar. Istilah media pengajaran adalah sinonim dengan alat bantu mengajar namun zaman yang lebih mengarah kepada teknologi maklumat dan komunikasi, media itu telah digunapakai bagi menampakkan kemodenan dan bahan komunikasi sebagai alat ABM yang terkini dalam proses pengajaran. Monograf ini membincangkan tentang media pengajaran dalam pendidikan Islam yang memfokuskan kepada pendidikan Islam dan penggunaan alat bantu mengajar (ABM) guru semasa mengajar mata pelajaran pengetahuan ugama Islam di sekolah-sekolah menengah dan Ugama. Ianya menjadi satu cabaran bagi para guru ugama atau guru pendidikan Islam dalam dunia pendidikan namun keberkesanan pengajaran bukanlah dilihat kepada media yang canggih semata-mata akan tetapi sejauhmana guru itu berperanan dalam pengajarannya melalui media yang bersesuaian.




## Memperkasa Ejaan Jawi: Isu, Cabaran, dan Penyelarasan

| | |
|---|---|
| Penulis | : Pelbagai Penulis |
| ISBN | : 978-99917-61-27-5 |
| Terbitan | : 2014 |
| Halaman | : 105 muka surat |
| Harga | : BND $18.00 |

**Sinopsis**

*"Memperkasa Ejaan Jawi: Isu, Cabaran dan Penyelarasan"* merupakan komplikasi empat kertas kerja yang dibentangkan semasa Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi: Kaedah dan Penyelarasan (Pkej) yang telah berlangsung pada 14-15 Sya'aban 1433 bersamaan 4-5 Julai 2012. Dewasa kini, tulisan jawi mengalami hambatan yang menyebabkan munculnya kepelbagaian ejaan jawi hingga mewujudkan kekeliruan. Apa yang menarik dalam buku ini, dibincangkan beberapa isu-isu berkaitan dengan ejaan jawi.




## Pengantar Akidah Islam

| | |
|---|---|
| Penulis | : Dr. Andi Aderus Banua |
| ISBN | : 978-99917-61-40-4 |
| Terbitan | : 2014 |
| Halaman | : 223 muka surat |
| Harga | : BND $37.00 |

**Sinopsis**

Buku ini mengupas dengan jelas kepentingan manusia terhadap akidah Islam terutama di era globalisasi tanpa sempadan ini. Buku ini juga mampu memberikan jawapan terhadap persoalan-persoalan akidah yang dipertanyakan oleh manusia. Di samping itu, buku ini juga menjelaskan prinsip-prinsip dasar serta keistimewaan Akidah Islam yang merupakan pegangan Ahli Sunnah Waljama'ah sehingga buku ini sangat penting untuk dibaca dan dimiliki oleh umat Islam khususnya di negara Brunei Darussalam. Buku ini juga memberikan gambaran tentang rahsia-rahsia dari Iman,

Islam dan *Iḥsan*. Ketiga hal tersebut merupakan bahagian yang tidak terpisahkan dari sakhsiah seorang Muslim. Jika hal tersebut diterjemahkan dalam kehidupan sehari-hari maka umat Islam dapat memberikan gambaran positif tentang Ugama Islam sebagai ugama *rahmatan lil ʻālamīn*. Di akhir buku ini, penulis menghuraikan prinsip-prinsip dasar Ahli Sunnah Waljamaʻah sehingga para pembaca dapat mengenali dengan jelas ajaran-ajaran Ahli Sunnah Waljamaʻah serta aliran-aliran yang bercanggah dengannya.




## Memperkasa Pendidikan Usuluddin: Isu dan Cabaran Semasa

| | | |
|---|---|---|
| Penyunting | : | Pelbagai Penulis |
| ISBN | : | 978-99917-61-43-5 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 650 muka surat |
| Harga | : | BND $30.00 |

**Sinopsis**

Buku ini merupakan kompilasi penulisan akademik yang dibentangkan semasa Seminar Pendidikan Usuluddin Ketiga Peringkat Serantau anjuran Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang diadakan pada 6-7 Rabiulawal 1435H bersamaan dengan 8-9 Januari 2014M. 28 buah kertas kertas yang dihimpunkan dalam buku ini membincangkan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan bidang pendidikan Usuluddin.




## Pemikiran Tarbiyah Menurut Iman Mawardi

*(Siri Monograf Pendidikan Islam Bilangan 9)*

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Syamsul Bahri Andi Galigo |
| ISBN | : | 978-99917-42-8 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 35 muka surat |
| Harga | : | BND $16.00 |

**Sinopsis**

Buku ini membincangkan tentang Imam Mawardi seorang ulama Mazhab Syafiyyah yang hidup dalam kurun ke 4 dan ke 5 Hijrah yang memiliki pengalaman luas dalam bidang fiqah Imam Syafi'i sehingga menjawat jawatan Qadi Besar pada zaman khilafah Abbasiyah. Pemikiran tarbiyah beliau yang mengaitkan antara pendidikan dan akhlak adalah merupakan konsep pendidikan yang sesuai dengan perkembangan semasa dalam dunia Islam hari ini.




## Memahami Ahli Sunnah Waljama'ah dan Menghindari Penyelewegannya

(Siri Panduan Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah Siri 1)

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah |
| ISBN | : | 978-99917-61-38-1 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 25 muka surat |
| Harga | : | BND $10.00 |

**Sinopsis**

Siri Panduan ini membincangkan dua perkara penting iaitu pertama asas-asas kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah dan ciri-cirinya. Kedua, ia memaparkan pelbagai ciri fahaman sesat yang sering dijadikan 'umpan' untuk mempengaruhi umat Islam.




## Memahami Makna Bi'dah Mengikut Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah

(Siri Panduan Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah Siri 2)

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah |
| ISBN | : | 978-99917-61-39-8 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 45 muka surat |
| Harga | : | BND $16.00 |

**Sinopsis**

Siri Panduan ini membincangkan makna bid'ah mengikut panduan ulama Ahli Sunnah Waljama'ah. Ia penting difahami oleh umat Islam agar tidak mudah dipengaruhi oleh pemikiran-pemikiran songsang yang berkaitan dengan isu bid'ah yang biasa disebarkan oleh golongan yang terpengaruh oleh fahaman Wahabi atau Salafi.




## Penyelidikan Penyeliaan Pendidikan

| | | |
|---|---|---|
| Penyunting | : | Mokhtar Ismail |
| ISBN | : | 978-99917-61-31-2 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 468 muka surat |
| Harga | : | BND $38.00 |

**Sinopsis**

Buku ini menghimpun rumusan sembilan buah disertasi di dalam bidang Penyeliaan Pendidikan oleh sembilan orang siswazah lepasan program Sarjana Perguruan Ugama (Penyeliaan) Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Paparannya berkisar tentang peranan penyelia, guru kanan dan guru mata pelajaran di dalam proses Penyeliaan Pendidikan di beberapa buah Sekolah Ugama dan sebuah Sekolah Arab di Negara Brunei Darussalam. Penyeliaan Pendidikan ialah satu disiplin ilmu pendidikan yang penting dan perlu diberi perhatian oleh para pendidik kerana kualiti Penyelia serta penyeliaannya akan memberi kesan langsung kepada prestasi pelajar. Dalam hal ini sembilan buah laporan penyelidikan di dalam buku ini telah memaparkan isu-isu yang timbul serta membuat cadangan berhubung langkah-langkah yang perlu diambil berhubung isu-isu berkenaan.




## Syahadah dalam Undang-undang Jenayah Islam dan Perbandingannya dengan Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Haji Johar Haji Muhamad |
| ISBN | : | 978-99917-61-30-5 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 120 Muka surat |
| Harga | : | BND $16.00 |

**Sinopsis**

Buku ini membincangkan tentang salah satu daripada undang-undang keterangan yang sangat penting dalam sistem keadilan Islam khususnya dalam kes jenayah berat di dalam Islam, iaitu syahadah dengan mengemukakan pandangan ulama dan perbandingannya dengan undang-undang keterangan Islam yang terpakai di Negara Brunei Darussalam dan sedikit perbandingan dengan undang-undang keterangan Islam di Malaysia dan undang-undang keterangan yang diguna pakai di Mahkamah Sivil. Syahadah dalam Undang-Undang Keterangan Islam adalah salah satu daripada kaedah pembuktian dalam sesuatu dakwaan atau tuntutan. Malah ianya adalah yang terpenting dan utama sekali di dalam pengisbatan (pensabitan) dakwaan tersebut.

Dalam kes-kes tertentu bilangan saksi (syahid) adalah amat menentukan di mana jika ianya tidak mencukupi syarat yang ditentukan, kes tersebut tidak dapat dihadapkan dan jika dihadapkan juga boleh pula menimbulkan masalah besar kepada pendakwa dan saksi tersebut. Selain daripada bilangan, kriteria dan syarat-syarat tertentu terhadap saksi juga diambil kira secara tegas bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dan kesamaran dalam penghukuman. Tanpa memenuhi kriteria dan syarat-syarat tersebut itu keterangan yang dikemukakan saksi itu akan menjadi tidak bernilai dan ditolak. Ini bermakna keboleh-terimaan sesuatu keterangan itu bergantung juga kepada syarat-syarat ketat itu. Inilah di antara keunikan tetapi logik yang terdapat dalam konsep keterangan Islam.  Pada keseluruhannya keterangan berbentuk kesaksian dengan syarat-syarat ketat ini adalah dalam kes-kes yang berat hukumannya seperti kes-kes hudud dan qisas. Hal ini terjadi kerana ianya melibatkan kesan hukuman tersebut ke atas pesalah adalah berat sedangkan dalam konsep kehakiman “tersalah melepaskan orang yang benar-benar bersalah lebih baik dari tersalah menghukum orang yang tidak bersalah”. Dalam hal ini Rasulullah *Shallallâhu ‘alaihi wasallam* bersabda ادرئوا الحدود بالشبهات Ertinya: “Tolaklah hudud dengan wujudnya syubhat”. Peringatan Rasulullah Shallallâhu ‘alaihi wasallam ini adalah jelas bagi mengelakkan tersalah hukuman ke atas orang yang mungkin tidak bersalah dalam kes berat seperti hudud ini. Secara umumnya buku ini menghuraikan perkara yang tersebut secara terperinci dengan merujuk kepada kitab-kitab yang berkenaan dan undang-undang yang diguna pakai pada masa ini.




## Penyelidikan Kurikulum dan Pengajaran

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Abdulhakam Hengpia |
| ISBN | : | 978-99917-61-35-0 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 294 Muka surat |
| Harga | : | BND $19.00 |

**Sinopsis**

Buku *Penyelidikan Kurikulum dan Pengajaran* menyediakan panduan penulisan penyelidikan yang praktikal dengan membekalkan contoh-contoh penulisan dan analisis data penyelidikan. Skop perbincangan bermula dari kefahaman terhadap konsep dan prinsip penyelidikan. Kemudian proses menentukan masalah, tajuk, objektif penyelidikan, kaedah pensampelan, instrumen penyelidikan dan analisis data sehinggalah kepada penghasilan sebuah laporan penyelidikan ilmiah. Buku ini juga membentang tiga reka bentuk penyelidikan yang popular dalam penyelidikan kurikulum dan pengajaran iaitu kajian dan pembangunan kurikulum, penyelidikan eksperimen dalam pengajaran dan kajian tindakan pengajaran. Tujuan utama penulisan buku ini adalah untuk memberi kefahaman kepada para palajar dan sesiapa sahaja yang berminat mengenai proses pengendalian penyelidikan dan membimbing mereka cara menjalankan penyelidikan dalam bidang kurikulum dan pengajaran.




## Sejarah dan Memori Terpilih Sekolah-sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam

| | | |
|---|---|---|
| Penyunting | : | Haji Mohd Salleh Lebar |
| ISBN | : | 978-99917-61-28-2 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 238 Muka surat |
| Harga | : | BND $27.00 |

**Sinopsis**

Buku SEJARAH DAN MEMORI TERPILIH SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM adalah sebuah buku yang mengimbau dan mengenangkan semula sejarah penubuhan dan keunikan beberapa buah sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam. Di dalamnya terdapat beberapa peristiwa penting yang berkaitan dengan perkembangan sekolah bermula daripada awal penubuhan sehinggalah berkembang dan maju sekarang ini. Bagi generasi muda mungkin kebanyakan mereka tidak tahu sejarah dan perubahan kemajuan sekolah-sekolah yang dimaksudkan itu. Namun jika dinostalgiakan semula ia memang mempunyai satu lipatan sejarah yang sukar dilupakan. Dengan nukilan lambang, logo dan falsafah yang tersendiri serta ditambah dengan pengalaman pengetua yang silih berganti pasti ia memberi satu kenangan yang sukar dilupakan begitu sahaja dalam pembinaan dan kemajuan sesebuah sekolah. Apatah lagi sebahagian besar sekolah yang diceritakan di dalam buku ini melahirkan beberapa orang tokoh yang terbilang dan tersohor di Negara Brunei Darussalam ini. Buku yang mengandungi 10 bab ini pasti memberi satu persembahan yang menarik kepada seluruh pembaca.




## Imam Al-Syafi'i: Pembangun Mazhab Fikih Moderat

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Dr. Abdul Rauf Amin |
| ISBN | : | 978-99917-61-41-1 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 164 Muka surat |
| Harga | : | BND $32.00 |

**Sinopsis**

Buku ini mengulas kepribadian dan kehidupan seorang tokoh dan ulama besar yang sangat berpengaruh terhadap kehidupan umat Islam yakni Imam al-Syafi'i. Beliau bukan hanya seorang tokoh dan ulama besar tapi juga seorang 'abid dan mujaddid. Beliau telah mewariskan segudang ilmu dan khazanah pemikiran dalam semua aspek keilmuan Islam. Karyanya yang sangat monumental 'al-Risalah' adalah karya utama dan terbaik dan telah membuktikan ke dunia orisinaliti pemikiran Islam. Imam al-Syafi'i adalah ulama orisinil, komprehensif yang sangat pantas untuk menjadi teladan bagi semua yg mencari kebenaran tanpa harus membuang konsistensi dan mengabaikan komitmen terhadap ajaran agama. Penguasaannya terhadap pemikiran hukum yang berkembang di zamannya membuatnya mampu membangun fikih yang ideal dan moderat. Imam al-Syafi'i adalah sosok ulama yang kehidupannya sentiasa relevan untuk dikaji dan dipelajari.




## Keperibadian Guru dan Murid
*(Buku Keluaran Khas Sempena Ulang Tahun Penubuhan KUPU SB)*

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Harapandi Dahri |
| ISBN | : | 978-99917-61-16-9 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 96 muka surat |
| Harga | : | BND $9.00 |

**Sinopsis**

Buku ini merupakan buku terbitan khas sempena Ulang Tahun Penubuhan kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan terbitnya buku ini dapat dijadikan bacaan ringan untuk para pelajar mahupun guru yang berkeinginan untuk mendalami keperibadian guru dan juga karakter murid-murid sehingga memperolehi ilmu yang berkat dan bermanfaat.



## Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah Bilangan 4
*(Jurnal Berwasit Antarabangsa)*

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Pelbagai Penulis |
| ISBN | : | 2225-4609 |
| Terbitan | : | 2014 |
| Halaman | : | 295 Muka surat |
| Harga | : | BND $31.00 |

**Sinopsis**

Buku ini menghimpunkan 10 buah artikel yang membincangkan mengenai isu-isu berkaitan dengan Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah.




## Pengukuhan Institusi Keluarga Islam Menurut al-Qur’an Dan al-Sunnah

Penyunting : Syahiran Sofian dan Azman Kassim
ISBN : 978-99917-61-44-2
Terbitan : 2014
Halaman : 396 mukasurat
Harga : BND $20.00

**Sinopsis**

Institusi keluarga adalah unit sosial terkecil dalam masyarakat. Masyarakat pula terbentuk daripada beberapa gabungan keluarga, manakala keluarga adalah unsur-unsur yang melengkapi sesebuah masyarakat. Gabungan daripada institusi-institusi keluarga itu pula akan membentuk sebuah negara. Oleh itu adalah tidak salah jika dikatakan keluarga adalah sebuah negara kecil. Maka institusi keluarga merupakan aset yang sangat penting untuk diberi perhatian oleh negara demi mencapai cita-cita negara untuk menjadi sebuah negara yang sejahtera dan dirahmati Allah subhanahu wata’ala.

Era globalisasi yang sedang dihadapi masa kini telah membawa banyak perubahan manusia secara umumnya dan kepada umat Islam secara khususnya. Perubahan itu adalah melalui apa yang disebut sebagai teknologi maklumat dan komunikasi. Namun pada waktu yang sama, peralatan moden ini ternyata juga menghasilkan pelbagai pertembungan nilai, norma dan turut mempengaruhi keimanan, memporak-perandakan institusi keluarga dan menghancurkan kehidupan beragama sehingga sebahagiannya tidak mampu diselamatkan.

Dalam konteks lain, masyarakat kini menikmati kehidupan yang bercirikan *“inter connection”*, yang mana setiap individu dengan mudah memperolehi apa yang diinginkan dari komuniti orang lain dan kemudian melahirkan jaringan budaya *(cultural networking)*.

Dengan demikian, tradisi atau kebiasaan yang sedang berlaku di dunia dapat diketahui dengan cepat. Natijahnya lambat laun budaya ini akan membawa kehancuran dalam institusi kekeluargaan secara umumnya dan institusi keluarga Islam secara khususnya. Senario ini merupakan cabaran bagi institusi pendidikan khususnya pendidikan Islam untuk berusaha mencari jalan bagi menyedarkan dan membangkitkan umat Islam yang sedang mengalami kekeliruan dalam memahami nilai-nilai agama Islam yang sebenar.

Semoga dengan terbitan buku “Pengukuhan Institusi Keluarga Islam Menurut al-Qur’an Dan al-Sunnah” yang membincangkan mengenai hal ehwal kekeluargaan, cabaran dan permasalahan serta jalan penyelesaiannya menurut al-Qur’an dan al-Sunnah dapat dijadikan sebagai bahan rujukan dan dapat memberikan maklumat serta meningkatkan pengetahuan tentang hal ehwal kekeluargaan menurut perspektif Islam.

# Terbitan Bahasa Melayu




## Hasrat dan Harapan Koleksi Ucapan Ra'es

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Haji Yahya bin Apong |
| ISBN | : | 99917-44-67-3 |
| Terbitan | : | 2010 |
| Halaman | : | 107 Muka surat |
| Harga | : | BND $10.00 |

**Sinopsis**

Hasrat dan Harapan Koleksi Ucapan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan merupakan kumpulan teks ucapan Ra'es KUPU SB, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim yang julung-julung kali diterbitkan. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi perguruan Ugama yang ulung di negara dan di rantau ini dan dalam usianya yang masih muda, sudah setentunya perancangan dan strategi yang kemas perlu diatur. Dalam ucapan-ucapan yang disampaikan Ra'es banyak menggambarkan aspirasi beliau untuk menjadikan KUPU SB mencapai matlamat yang diimpikan. Melalui penerbitan buku ini, diharapkan aspirasi Ra'es itu dapat dikongsi oleh semua warga KUPU SB, khususnya para pensyarah dan pelajar. *Tausiyah* dan amanat yang disampaikan kepada pelajar-pelajar KUPU SB adalah motivasi dan pencetus semangat untuk terus tekun dan rajin dalam perkuliahan dan terlibat aktif dalam semua aktiviti sebagai persediaan untuk melahirkan generasi ilmu yang berkaliber di bidang perguruan




## Pengantar Ilmu Perbandingan Agama

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Prof. Madya Dr. Ghazali bin Basri |
| ISBN | : | 99917-44-64-9 |
| Terbitan | : | 2009 |
| Halaman | : | 208 Muka surat |
| Harga | : | BND $10.00 |

**Sinopsis**

Buku ini membincangkan tentang agama-agama besar dunia dan agama-agama tersebut dihuraikan dalam tiga kelompok iaitu:

i. agama primitif,
ii. agama budaya / falsafah
iii. agama langit

Kelompok pertama terdiri daripada agama Animisme, agama Kungfucius, agama Tao dan agama tradisi orang cina. Kelompok kedua terdiri daripada agama Hindu, Jaina, Buddha dan Sikh. Kelompok ketiga terdiri daripada agama Yahudi, Kristian dan Majusi. Agama Islam yang sepatutnya ditempatkan pada kelompok ketiga tidak disertakan. Namun demikian, dalam buku ini membincangkan ciri perbandingan agama yang masih wujud serta penerangan pendekatan yang sesuai dengan kedudukan Islam yang bersifat *'meta' vis à vis* kewujudan agama-agama lain. Justeru itu, dalam buku ini juga memaparkan beberapa tajuk kecil mengenai setiap agama pada 'Neraca Islam'.




**Falsafah Pendidikan Islam Konsep & Aplikasi**
*(Edisi Kedua Cetakan Pertama)*

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Prof .Madya Dr. Ghazali bin Basri |
| ISBN | : | 99917-44-88-6 |
| Terbitan | : | 2012 |
| Halaman | : | 227 Muka surat |
| Harga | : | BND $10.00 |

**Sinopsis**

Buku *v PENDIDIKAN ISLAM:* Huraian Konsep & Aplikasi adalah satu usaha bagi menghuraikan konsep, fungsi dan kedudukan falsafah Pendidikan Islam sebagai sebuah disiplin dalam korpus ilmu. Beberapa bab awalan yang dimuatkan bertujuan menjelaskan konsep-konsep mengenai Pendidikan Islam dan yang selebihnya menghuraikan perlaksanaannya dalam bentuk operasional seperti pembinaan kurikulum dan pendidikan sepadu. Tumpuan pembincangan diberikan kepada pendidikan sepadu, huraian konsep dan pelaksanaannya kerana ia dianggap sebagai ciri terpenting dalam sistem Pendidikan Islam. Turut dimuatkan dalam buku ini (sebagai lampiran) ialah dokumen Rekomendasi Persidangan Pendidikan Islam Sedunia di Makkah al-Mukarramah pada tahun 1977, sebuah dokumen penting yang bertanggungjawab mencetuskan ide mengenai konsep pendidikan islam dan keperluannya bagi umat Islam di seluruh dunia.




## Pengenalan Pengajian Ilmu Hadis

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Prof Madya Dr. Ariffin bin Omar |
| ISBN | : | 99917-44-66-5 |
| Terbitan | : | 2009 |
| Halaman | : | 180 Muka surat |
| Harga | : | BND $10.00 |

**Sinopsis**

Buku Pengenalan Pengajian Hadis ini membicarakan sebahagian kecil dari Ilmu Hadis yang sangat luas bidangnya. Buku ini membicarakan tentang pengertian perkataan sunnah, hadis, khabar dan athar dari segi bahasa dan istilah. Buku ini juga membicarakan tentang perbezaan antara al-Quran, Hadis Qudsi dan Hadis Nabawi. Kedudukan sunnah sebagai dalil hukum serta peranannya terhadap al-Quran, pencatitan hadis pada zaman Rasulullah Sallalahu 'Alaihi Wa Sallam, zaman para sahabat dan zaman para al-tabi'in. Usaha para ulama' dalam menapiskan hadis-hadis sahih daripada hadis-hadis *da'if* dan *maudhu'*, bahagian hadis seperti *Mutawatir*, Ahad dan *Masyhur* juga dipaparkan.




## Kepimpinan Pengurusan Sekolah Dari Perspektif Islam: Satu Kajian Terpilih

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Haji Mohd Salleh bin Lebar |
| ISBN | : | 99917-44-65-7 |
| Terbitan | : | 2009 |
| Halaman | : | 252 Muka surat |
| Harga | : | BND $8.00 |

**Sinopsis**

Buku Kepimpinan Pengurusan Sekolah Dari Perspektif Islam: Satu Kajian Terpilih ialah sebuah buku yang membicarakan tentang konsepkepimpinan pengurusan sekolah yang memfokuskan kepada sekolah-sekolah ugama di Negara Brunei Darussalam. Walaupun pada masa kini kepimpinan sekolah pada umumnya banyak dikaitkan dengan kehendak teori-teori Barat namun sebagai sebuah sekolah ugama dan Arab, kepimpinan yang berteraskan kepada prinsip-prinsip Islam tidak diabaikan. Atas dasar dan kesedaran inilah penulis-penulis dalam buku ini berkesempatan untuk membuat kajian di beberapa buah sekolah ugama bagi memastikan sama ada kepimpinan islam yang diteladani oleh pemimpin kita Nabi Muhammad Sallalahu Alaihi Wa Sallam iaitu Siddiq, Amanah, Fatanah dan Tabligh diamal ataupun tidak pada masa kini. Kajian-kajian yang dimaksudkan itu sedikit sebanyak dapat dijawab dalam buku ini yang mengandungi 4 bab.




**DINAMIKA TASAWWUR ISLAM dalam Pembentukan Keperibadian Umat**
*(Edisi Kedua Cetakan Pertama)*

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Dr. Ghazali bin Basri |
| ISBN | : | 99917-44-60-6 |
| Terbitan | : | 2011 |
| Halaman | : | 264 Muka surat |
| Harga | : | BND $10.00 |

**Sinopsis**

Dinamika Tasawwur Islam dalam Pembentukan Keperibadian Umat, ringkasnya Dinamika Tasawwur Islam menyediakan para pembaca dengan maklumat kontemporari mengenai keperluan memahami Islam secara holistik. Tidak keterlaluan kalau dikatakan sejumlah besar umat kini masih lagi belum dapat memahami esensi Islam sebenar, dan sebabnya adalah pelbagai. Selain daripada faktor dalaman seperti, ketidaksampaian maklumat, faktor luaran juga tidak dinafikan peranannya. Kalau setengah abad dahulu islam pernah disebut sebagai agama yang paling disalahfahami (*the misunderstood religion*), kini keadaaannya masih belum banyak berubah kerana serangan gerakan deislamisasi oleh pihak musuh islam juga tidak pernah reda. Kehadiran buku ***Dinamika Tasawwur Islam*** bukan saja dapat menjelaskan beberapa konsep, prinsip serta pemikiran yang terkandung dalam sistem nilainya seperti yang dihuraikan dalam kerangka epistemologi Islam, ia juga menyediakan jawapan-jawapan sebagai alternatif kepada pemikiran-pemikiran salah yang semakin lama berada dalam pelukan umat Islam. Islam sebagai al-din, tidak sama dengan konsep agama (*religion*) yang difahami Barat, juga ia bukan sebuah tatacara beragama mistik/rahib yang biasa difahami oleh golongan kerohanian (*spiritualists*), dan juga ia bukan sebuah gagasan tamadun yang dibina oleh model insannya semata, tetapi Islam adalah sebuah sistem kehidupan yang syumul (lengkap), kesyumulannya mencakup seluruh aspek keperluan hidup duniawi dan ukhrawi. Sistem nilainya mencakupi seluruh aspek kehidupan makhluk manusia dan mahluk-mahluk lainnya, daripada seluruh kehidupan makhluk manusia dan mahkluk-mahkluk daripadaperkara yang menyangkut soal peribadi sehingga urusan bernegara dalam segenap lapangan bidang.




## SEKALUNG BUDI SEGUNUNG HARAPAN dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

*Satu Ristaan*

*Buku Keluaran Khas sempena Majlis Konvokseyen Kali ke 30*

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Terbitan Khas |
| ISBN | : | 99917-44-63-0 |
| Terbitan | : | 2010 |
| Halaman | : | 52 Muka surat |
| Harga | : | BND $6.00 |




## Merealisasikan Aspirasi Negara dalam Pembangunan Ummah

Buku Keluaran Khas *Sempena Majlis Konvokesyen Pertama*

*Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan 1432H/2011M*

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Terbitan Khas |
| ISBN | : | 99917-44-83-5 (Kulit Lembut) |
| | : | 99917-44-84-3 (Kulit Keras) |
| Terbitan | : | 2011 |
| Halaman | : | 94 Muka surat |
| Harga | : | BND $5.00 |

**Sinopsis**

Buku ini merupakan Buku Keluaran Khas Konvokesyen sempena Majlis Konvokesyen Pertama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan 1432H/2011M. Buku ini menghimpunkan beberapa artikel yang disumbangan oleh Penyumbang luar dan beberapa para ahli akademik Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.




## Iltizam untuk Menjadi Wanita Salehah: Kesannya Terhadap Keluarga, Masyarakat dan Negara

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Dr Hajah Masnon binti Haji Ibrahim |
| ISBN | : | 99917-44-80-0 |
| Terbitan | : | 2011 |
| Halaman | : | 128 Muka surat |
| Harga | : | BND $11.00 |

**Sinopsis**

Buku ini memfokuskan keperluan terhadap dorongan dalaman dan kesungguhan untuk menjalankan tanggungjawab dan amanah bagi seorang wanita sepertimana yang dituntut oleh ugama Islam ke atas wanita salehah akan memberi kesan dan pengaruh yang hebat bukan sahaja terhadap diri wanita tersebut secara individu bahkan kesan terbaik terhadap keluarga, masyarakat dan Negara.




## Isu-Isu Penyelewengan Akidah di Negara Brunei Darussalam

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal |
| ISBN | : | 99917-44-81-9 |
| Terbitan | : | 2011 |
| Halaman | : | 65 Muka surat |
| Harga | : | BND $8.00 |

**Sinopsis**

Sebuah buku ditulis khas untuk digunakan sebagai rujukan utama dan sesuai bagi para ahli akademik, para mahasiswa dan mahasiswi serta para pembaca untuk memahami dengan jelas beberapa isu-isu berkaitan dengan penyelewengan akidah. Buku yang mengandungi 4 bab ini juga memberi panduan dan maklumat tentang pentingnya memahami ajaran Ahli Sunnah Wal'jama'ah.



## Psikologi Pendidikan Dari Perspektif Barat dan Islam

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Haji Muhd Salleh bin Lebar |
| ISBN | : | 99917-44-73-8 |
| Terbitan | : | 2011 |
| Halaman | : | 147 Muka surat |
| Harga | : | BND $8.00 |

**Sinopsis**

Psikologi Pendidikan Dari Perspektif Barat dan Islam ialah sebuah buku ditulis khas untuk digunakan sebagai rujukan utama bagi pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus seperti ‘Psikologi Pembelajaran’, ‘Psikologi Pendidikan’, dan juga ‘Kurikulum Pendidikan Islam’, di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Ia juga sesuai untuk rujukan bagi kursus-kursus berkaitan dengan psikologi seperti perkembangan kanak-kanak. Mengandungi 10 bab dan isi kandungan sebahagian besar adalah merangkumi dengan kehendak kurikulum kursus-kursus tersebut yang mana banyak berteraskan sumber-sumber dan pendekatan Islam. Gaya bahasanya ringkas dan perkara-perkara yang dibincangkan adalah menarik dan mudah difaham. Ia juga sesuai dibaca oleh guru-guru, ibu bapa dan masyarakat umum kerana boleh membantu untuk mendidik dan memahami psikologi kanak-kanak serta para remaja. Pada masa kini, buku-buku yang berkaitan dengan psikologi yang menggunakan pendekatan Islam adalah tersangat kurang di pasaran. Jadi dengan adanya buku ini sekurang-kurangnya ia dapat memenuhi keperluan pelajar di KUPU SB.




## Pemikiran Islam: Pertumbuhan dan Perkembangan

| | |
|---|---|
| Penulis | : Prof Madya Dr Ghazali bin Basri |
| ISBN | : 99917-44-72-X |
| Terbitan | : 2011 |
| Halaman | : 204 Muka surat |
| Harga | : BND $10.00 |

**Sinopsis**

Buku ini mengajak peneliti sejarah pemikiran ISLAM khasnya dan pembaca umumnya untuk menoleh ke belakang agar dapat menilai khazanah yang dititipkan oleh para ilmuan silam dalam soal pemurnian akidah. Kerencaman serta kepelbagaian aliran fahaman yang muncul sesudah Khulafa al-Rashidin hampir-hampir sahaja menjerumuskan umat ke jurang kesesatan. Kemunculan tokoh seperti Abu Hasan al-Ashari, Abu Mansur al-Maturidi, dan diikuti oleh al-Ghazali dan beberapa lagi telahberhasil merumuskan sebuah landasan. Inilah pertumbuhan pemikiran selanjutnya berkembang sehingga kita meyaksikan lahirnya tokoh-tokoh pemikir-mujaddid pada setiap abad. Dirakamkan dalam buku ini empat tahap perkembangan pemikiran dimulai dengan semangat untuk menentang penjajahan, kemudian diikuti dengan keperluan mempersiapkan pekerja muslim menerusi tarbiah beroganisasi, kemudian diikuti pula dengn mempertingkatkan kualiti umat menerusi dakwah dan tarbiah dan yang terkini ialah pemikiran di sekitar menangani isu-isu semasa.




## Sejarah dan Perkembangan Gerakan Kristianisasi di Negara Brunei Darussalam

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Mail Besar |
| ISBN | : | 99917-44-90-8 |
| Terbitan | : | 2012 |
| Halaman | : | 261 Muka surat |
| Harga | : | BND $11.00 |

**Sinopsis**

*Buku Sejarah dan Perkembangan Gerakan Kristianisasi* di NBD membincangkan tentang sejarah gerakan kristianisasi, metode-metode gerakan, dan dasar-dasar hukum Islam dalam menghadapi gerakan kristianisasi. Gerakan kristianisasi ini ditelusuri dari awal sejarah gerakan hinggalah sampai ke Negara Brunei Darussalam. Penulis cuba membuktikan wujudnya gerakan kristianisasi sebagaimana yang dicanangkan oleh pemimpin-pemimpin kristian dalam satu konferen yang diadakan di London pada 5-8 Januari 1989 yang dihadiri oleh 300 peserta dari 50 negara telah mencanangkan bahawa tahun 2000M sebagai tahun pewartaan Bible ke seluruh dunia atau Kristianisasi secara merata kepada seluruh pelusuk dunia. Sasaran gerakan tersebut adalah separuh daripada penduduk dunia seboleh-bolehnya menjadi pengikut Christ. Pihak gereja Kristian Vatican yang berpusat di Itali juga turut merancang untuk mengKristiankan seluruh Indonesia, Mesir dan benua Afrika pada tahun 2000M.




## Kunci Memahami Ilmu Tasawuf

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Syamsul Bahri Andi Galigo |
| ISBN | : | 978-99917-44-94-0 |
| Terbitan | : | 2012 |
| Halaman | : | 170 Muka surat |
| Harga | : | BND $16.00 |

**Sinopsis**

Buku ini membincangkan pengenalan ilmu tasawuf yang mungkin boleh dianggap sebagai kunci (miftah) dalam usaha memahaminya, terutama bagi mereka yang baru bermula ingin berjinak-jinak dengan ilmu tasawuf ini. Sejarah dan asal usul ilmu tasawuf serta perkara-perkara asas dalam ilmu tasawuf turut diketengahkan bagi mengukuhkan keterikatan ilmu tasawuf sebagai ilmu teras pengajian Islam dalam kerangka konsep ilmu mengikut Ahli Sunnah Waljama'ah. Semoga buku ini dapat membuka tabir yang sebenar bagi mengenali hakikat tasawuf yang kini ada sesetengah umat Islam yang meraguinya sebagai bahagian daripada ilmu-ilmu tulen dalam Islam. Sebagai satu kajian ilmiah popular ianya ditulis dalam bahasa yang ringan tanpa menggunakan istilah yang susah difahami bagi pembaca awam, supaya manafaatnya boleh dikongsi oleh semua lapisan masyarakat dengan penalaran taakul yang sederhana. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala membimbing kita semua kepada jalan yang lurus.




## Teologi Sunni: Konsep dan gagasan Ahli sunnah mengenai Ilahiyyat, Nubuwwat, dan Sam'iyyat

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Hamzah Harun al-Rasyid |
| ISBN | : | 978-99917-44-93-2 |
| Terbitan | : | 2012 |
| Halaman | : | 318 Muka surat |
| Harga | : | BND $17.00 |

**Sinopsis**

Kajian ini membincangkan *Teologi Sunni: Konsep dan gagasan Ahli sunnah mengenai Ilahiyyat, Nubuwwat, dan Sam'iyyat.* Teologi ini dibangun oleh seorang ulama terbesar di zamannya, iaitu Syeikh Abu Hasan al-Asy'ari. Teologi ahli sunnah waljama'ah merupakan aliran teologi terbesar dan terbanyak penganutnya di dunia Islam. Kajian ini mendapati bahawa Teologi Ahli sunnah bersifat terbuka, realistik, dan pragmatis, serta bersikap positif terhadap kemajuan sains dan teknologi. Kerana itu, mereka yang menilai aliran al-Ash$^{c}$ariyyah sebagai aliran fatalisme, determinisme atau Jabariyyah tidaklah tepat. Teologi Ahli sunnah boleh dianggap sebagai teologi yang berperanan sebagai acuan bagi pengembangan teologi Islam seterusnya, kerana teologi ini, selain ia sangat menjunjung tinggi posisi akal sebagai anugerah Ilahi, ia juga sangat menghormati dan menjunjung tinggi posisi naqal sebagai tuntunan Ilahi yang sentiasa aktual.




## Pemikiran Islam Dan Cabaran Mutakhir

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Pelbagai Penulis KUPU SB-UTM |
| ISBN | : | 978-99917-44-95-9 |
| Terbitan | : | 2012 |
| Halaman | : | 248 Muka surat |
| Harga | : | BND $12.00 |

**Sinopsis**

***Buku Pemikiran Islam dan Cabaran Mutakhir memuatkan*** sebanyak enam buah artikel masing-masing disumbangkan oleh ahli-ahli akademik dari KUPU SB, Negara Brunei Darussalam dan UTM, Johor, Malaysia iaitu "Islam, Pluralisme & Pluraliti", "Sheikh Yusuf Al-Taj al-Makassariy: Ulama Melayu Sunni dan Perjuangannya", "Mustafa Abdul Rahman Mahmud: Biografi dan Sumbangannya", "Gagasan Islam Liberal: Pendedahan & Penilaian", "Psikologi Islam Dari Prespektif Ibnu Muskawayh" dan "Sumbangan Ibn Qayyim Dalam Penilaian Perubahan Islam".




## Perkhidmatan dan Kemahiran dalam Bimbingan dan Kaunseling

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Salleh Lebar |
| ISBN | : | 978-99917-61-07-1 |
| Terbitan | : | 2012 |
| Halaman | : | 412 Muka surat |
| Harga | : | BND $18.00 |

**Sinopsis**

Perkhidmatan dan Kemahiran Dalam Bimbingan dan Kaunseling ialah sebuah buku ditulis khas untuk digunakan sebagai rujukan utama bagi pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Bimbingan dan Kaunseling di bawah Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Ia juga sesuai dan boleh dijadikan bahan rujukan serta bacaan tambahan bagi pelajar-pelajar yang mengikuti program Bimbingan dan Kaunseling di institusi pengajian tinggi sama ada di Negara Brunei Darussalam mahu pun di negara Malaysia. Buku ini mengandungi 9 bab yang mana merangkumi beberapa perkara berkaitan dengan aspek perkhidmatan dan kemahiran dalam bimbingan serta kaunseling untuk keperluan di sekolah-sekolah dan juga agensi awam. Bermula dengan bab 1 iaitu sejarah perkhidmatan kaunseling atau pendidikan kaunselor sehinggalah berakhir bab 9 iaitu kaunseling kerjaya. Apa yang menarik dalam buku ini terdapatnya beberapa contoh skrip sesi kaunseling yang perlu dibaca oleh pelajar, guru dan sesiapa sahaja. Ia berkisar berkaitan tentang permasalahan pembelajaran, tingkah laku dan hubungan sosial dalam kalangan pelajar-pelajar sama ada di sekolah atau di luar sekolah. Melalui skrip tersebut, kita melihat bagaimana kebolehan, kebijaksanaan, kesabaran dan kemahiran guru-guru dalam membimbing dan menasihati mereka yang berkenaan untuk kembali ke landasan yang sebaik-baiknya. Oleh itu buku ini sesuai dijadikan teks atau rujukan bagi pelajar yang mengikuti kursus bimbingan dan kaunseling, psikologi di institusi pengajian tinggi, bakal guru, pengamal kaunseling sama ada di Negara Brunei Darussalam mahu pun di negara Malaysia dan juga masyarakat umum yang berminat untuk menambahkan pengetahuan dalam bidang bimbingan dan kaunseling.




## Pelaksanaan Perintah Nafkah di Mahkamah Syariah Brunei

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Waiduri Ali |
| ISBN | : | 978-99917-61-08-X |
| Terbitan | : | 2012 |
| Halaman | : | 241 Muka surat |
| Harga | : | BND $12.00 |

**Sinopsis**

Buku Pelaksanaan perintah nafkah di Mahkamah Syariah Brunei ditulis bagi mengenal pasti konsep nafkah menurut syarak serta mengenalpasti peruntukan nafkah isteri dan anak yang terdapat dalam Undang-Undang Keluarga Islam Brunei 1999. Selain itu ia juga memberi kefahaman tentang prosiding permohonan, penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah di Mahkamah Syariah Brunei serta mengenal pasti masalah yang timbul dalam pelaksanaan perintah nafkah. Kewajipan memberi nafkah isteri dan anak pada dasarnya terletak di bahu suami. Ini adalah mengikut ketetapan hukum syarak dan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam. Bab 61 (1) Undang-undang Keluarga Islam Brunei 1999, memberi kuasa kepada mahkamah boleh memerintahkan seorang suami supaya membayar nafkah kepada isteri atau kepada bekas isteri. Manakala Bab 75(1) pula mewajibkan seorang ayah memberi nafkah kepada anak-anaknya tidak kira sama ada anaknya itu di bawah jagaannya atau di bawah jagaan orang lain. Walau bagaimanapun, terdapat fakta menunjukkan bahawa banyak perintah nafkah yang gagal dipatuhi. Apabila perintah mahkamah telah dikeluarkan dan suami enggan patuh, maka isteri berhak memohon melalui penguatkuasaan bagi tindakan selanjutnya. Masalah utama yang dikenalpasti ialah pembayaran nafkah dalam bentuk yang bukan diperintahkan mahkamah, tidak ada permohonan cara pembayaran oleh plaintif, kegagalan pihak majikan mematuhi perintah tahanan pendapatan tenaga dan tidak ada keselarasan dalam mengeluarkan perintah. Secara keseluruhannya sebahagian besar masalah pelaksanaan perintah nafkah ini adalah akibat daripada kesamaran pihak plaintif tentang tatacara tuntutan di Mahkamah Syariah, salah faham pihak defenden tentang pembayaran nafkah dengan membayar nafkah dalam bentuk yang bukan diperintahkan oleh pihak mahkamah, sikap pihak majikan yang enggan mematuhi perintah mahkamah melalui perintah tahanan pendapatan tenaga dan tidak ada keselarasan dan ketegasan dalam mengeluarkan perintah daripada pihak mahkamah.




## Takmir Masjid: Peranannya dalam Membina Generasi Belia

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Zulkifli Zakaria |
| ISBN | : | 978-99917-61-06-3 |
| Terbitan | : | 2012 |
| Halaman | : | 109 Muka surat |
| Harga | : | BND $13.00 |

**Sinopsis**

Buku ini membincangkan peranan *Takmir Masjid* dalam mempertingkatkan amal ibadat para belia. Peranan aktiviti *Takmir Masjid* penting di Negara Brunei Darussalam dalam mempertingkatkan amal ibadat di kalangan belia sama ada ibadat khusus dan juga ibadat umum. Sebagai perincian, kejayaan aktiviti *Takmir Masjid* iaitu i) peranan *Takmir Masjid* sebagai 'Role Model' ii) perlaksanaan aktiviti *Takmir Masjid* iii) penglibatan para belia iv) penglibtan ibubapa dan v) kerjasama pihak sekolah yang kesemuanya berkesan dalam mempertingkatkan amal ibadat para belia serta membina generasi belia ke arah yang lebih positif. Perlaksanaan aktiviti *Takmir Masjid* mempunyai hubungan yang sederhana kuat dengan peningkatan amal ibadat para belia.



## Jambatan Sinar Ke Tanah Suci: Catatan Perjalanan Jema'ah Haji Brunei 1956-2004

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Norarfan Zainal |
| ISBN | : | 978-99917-61-10-1 |
| Terbitan | : | 2012 |
| Halaman | : | 284 Muka surat |
| Harga | : | BND $18.00 |

**Sinopsis**

Buku Jambatan Sinar Menuju Ke Tanah Suci lebih menjurus kepada penjelasan hukum berkaitan dengan permasalahan haji yang ditimbulkan oleh orang awam dan pegawai pentadbir haji. Buku ini boleh dijadikan sumber rujukan kerana mengandungi maklumat-maklumat tentang jema'ah haji Brunei dari tahun 1956-2004. Maklumat yang berguna dihimpunkan dalam buku ini di antaranya tentang perjalanan jema'ah haji Brunei, pengurusan, pendaftaran dan peraturan Haji; bilangan Jema'ah haji yang menunaikan ibadat haji. Adab, adat dan tradisi Keberangkatan, Ketibaan dan Kepulangan Jema'ah Haji juga dicatatkan dalam buku ini.




## Pengenalan Kepada Ahli Sunnah Waljama'ah: Sejarah, Pendekatan dan Kefahaman

| | | |
|---|---|---|
| Penulis | : | Syamsul Bahri Andi Galigo dan Norarfan Zainal |
| ISBN | : | 978-99917-61-04-7 |
| Terbitan | : | 2012 |
| Halaman | : | 181 Muka surat |
| Harga | : | BND $12.00 |

**Sinopsis**

